

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/9/2010

> MENJELANG BAJET 2011

30/9/2010 - 20 UM

## Bersedia lebih awal elak kejutan – Mahani

KUALA LUMPUR 29 Sept. – Bajet 2011 yang bakal dibentang di Parlimen dua minggu lagi, perlu mengambil kira keadaan ekonomi di Amerika Syarikat dan Eropah yang tidak menentu pada pada tahun depan.

Pakar ekonomi negara, Datuk Dr. Mahani Zainal Abidin berkata, perkara itu perlu diberikan tumpuan utama kerana ekonomi negara masih bergantung kepada permintaan eksport daripada negara-negara berkenaan.

Sehubungan itu, kerajaan perlu membuat persediaan awal bagi menggerakkan perbelanjaan, kata beliau yang juga juga Ketua Pengarah Pengajian Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS).

“Apabila berlakunya kejutan ekonomi, perbelanjaan kerajaan biasanya terhad manakala isi rumah pula menanggung jumlah hutang yang tinggi.

“Jadi, hanya pelabur-pelabur domestik dan asing yang memiliki dana untuk dilaburkan,” katanya ketika ditemui di Forum CEO 2010 di sini hari ini.

Dr. Mahani berkata, berdasarkan pengalaman lampau, kerajaan akan menyediakan bajet tambahan sebagai persediaan menghadapi situasi tersebut.

Pada pertemuan itu, Dr. Mahani berkata, Bank Pembangunan Asia (ADB) membuat unjuran yang konservatif apabila menyatakan pertumbuhan Malaysia adalah sebanyak 6.8 peratus pada tahun ini.

Katanya, berdasarkan prestasi ekonomi semasa yang memberangsangkan, Malaysia mampu mencapai pertumbuhan sebanyak 7.0 peratus pada tahun ini.

“Pada separuh pertama kita sudah mencatatkan pertumbuhan 9.5 peratus dan walaupun pertumbuhan nampak sederhana tetapi ia masih boleh mencapai sasaran 7.0 peratus,” jelasnya.

Mahani berkata, pada asasnya prestasi ekonomi semasa boleh dilihat pada kedudukan kukuh mata wang ringgit berbanding mata wang serantau.

Beliau tidak menafikan pengukuhan nilai akan menjejaskan eksport dalam jangka pendek tetapi masalah itu boleh ditangani sekiranya sektor berkenaan lebih berdaya saing.

Mahani menyifatkan Sweden dan Singapura merupakan contoh yang terbaik kerana di sebalik pengukuhan ekonomi dan mata wangnya eksportnya tidak terjejas kerana negara itu memberikan keutamaan kepada kualiti produk.



DR. MAHANI Zainal Abidin (kiri) menyampaikan pandangannya pada Forum CEO 2010 di Kuala Lumpur, semalam.